

Negeri Sembilan di landasan tepat capai negeri maju

Peningkatan pelaburan beri impak positif sektor ekonomi, pembangunan

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Negeri Sembilan (NS) mempunyai potensi besar untuk mencapai status negeri maju setanding negeri lain di negara ini kerana disokong oleh pelbagai asas, termasuk pelaburan yang meningkat setiap tahun.

Malah, NS kini antara destinasi pilihan pelabur domestik dan antarabangsa, sekali gus memberi impak positif dari segi ekonomi selain pembangunan dan infrastruktur yang efisien serta konstruktif.

Kerajaan Negeri Sembilan kini meletakkan NS tidak lagi dilihat sebagai ketinggalan, sebaliknya kepemimpinan mengorak langkah dalam membawa arus kemajuan pesat hasil perancangan rapi, strategik dan energetik.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata projek seperti Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV2.0) antara pemacu ekonomi cukup signifikan terhadap pertumbuhan pembangunan negeri itu.

Beliau berkata, nilai pelaburan yang diraih NS

dalam tiga tahun kebelakangan ini amat memberangsangkan di sebalik pertumbuhan ekonomi nasional yang perlahan.

Katanya, walaupun 2020 adalah tahun mencabar dari segi politik, sosial dan ekonomi, NS mencatat rekod cemerlang apabila mencapai jumlah pelaburan keseluruhan RM7.93 bilion dengan RM3.83 bilion adalah pelaburan asing.

“Pelaburan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan terpilih yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), NS mencatatkan RM6.3 bilion iaitu terbaik pernah dicatatkan.

“Daripada jumlah itu, pelaburan dalam sektor pembuatan sahaja mencatat RM6.18 bilion iaitu tertinggi berbanding tahun sebelumnya,” katanya.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, hasil nilai pelaburan yang tinggi diterima itu berjaya mewujudkan 5,823 peluang pekerjaan menerusi 167 projek.

Dari sudut komposisi ekonomi pula, sektor perkhidmatan dan pembuatan mendominasi ekonomi NS dengan jumlah sumbangan 87.5 peratus.

Pada 2020, sektor perkhidmatan menyumbang 51.4 peratus, manakala pembuatan (36.2 peratus), pertanian (7.2 peratus), pembinaan dan perlombongan (3.0 peratus) dan pengkuarian, 0.5 peratus.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri berbesar hati dengan pencapaian itu kerana angka itu

berjaya menempatkan NS berada pada kedudukan keenam terbaik antara negeri di Malaysia.

Berikutan itu, beliau berkata, beberapa langkah proaktif diambil, termasuk menawarkan beberapa insentif khas kepada pelabur melalui program Tahun Melabur NS 2021.

Katanya, insentif yang ditawarkan itu, termasuk promosi bersama, fasilitasi menyeluruh atau *end-to-end handholding*, mengurangkan birokrasi dan pembabitan orang tengah selain proses kelulusan khas dengan kadar segera serta bayaran premium tanah berperingkat.

Katanya, kerajaan negeri menetapkan dasar mesra pelabur dengan sasaran ‘pelaburan berganda’ iaitu menetapkan nilai pelaburan masuk tahun semasa yang meningkat dari tahun ke tahun.

“Bagaimanapun sasaran pelaburan yang kita tetapkan tahun ini RM10 bilion ternyata terjejas susulan pandemik COVID-19 yang bukan sahaja melanda negara ini malah, dunia.

“Kerajaan negeri terpaksa mengubah sasaran itu kepada RM5 bilion yang dianggap realistik dan diyakini boleh dicapai menerusi petunjuk yang ada.

“Malah, setakat suku pertama tahun ini, NS mencatatkan nilai pelaburan yang memberangsangkan RM1.63 bilion meliputi sektor pembuatan, hartanah, kewangan,



Aminuddin Harun (empat dari kiri) melihat replika pelan pembangunan Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0) pada majlis pelancaran Tahun Pelaburan Negeri Sembilan 2021, di Seremban, akhir tahun lalu. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

perkhidmatan, perdagangan, pengedaran, utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan.

“Ia memberi 1,165 peluang pekerjaan kepada rakyat menerusi 48 projek. Ini suatu prestasi yang baik ketika kita masih berhadapan cabaran COVID-19,” katanya.

Aminuddin yang juga Pengerusi PH Negeri Sembilan, berkata kerajaan negeri menawarkan pelbagai pakej insentif bagi menarik minat pelabur ke negeri itu.

Beliau yang dibantu Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek selaku EXCO pelaburan negeri berkata, fokus kerajaan negeri ialah pelaburan berteknologi tinggi yang akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Aminuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sikamat, berkata kerajaan negeri menyoal membawa masuk pelaburan berkualiti ke negeri ini

bagi menjana pendapatan yang lebih baik kepada rakyat.

Sementara itu, bagi mengekalkan daya saing tinggi dan merencanakan ekonomi, kerajaan negeri menggariskan empat ciri utama iaitu ekonomi berteraskan ilmu seiring Revolusi Industri (IR) 4.0.

Katanya, pengupayaan ekonomi bernilai tinggi yang berteraskan sumber strategik dan penerokaan sumber dihadkan menjadi tumpuan agar tidak menjejaskan keperluan generasi akan datang.



“Projek seperti Lembah Wawasan Malaysia 2.0 (MVV2.0) antara pemacu ekonomi yang cukup signifikan terhadap pertumbuhan pembangunan negeri”



Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan



YAB Datu' Seri Hoji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus